

Pemupukan Patriotisme Melalui Pendidikan Multikultural Dalam Pendidikan Sejarah di Malaysia: Satu Tinjauan Perspektif

Oleh
Ahmad Ali Bin Seman

History Study, Politic, and Strategy Center
University Kebangsaan Malaysia

Abstract: The purpose of this research is to show up the variant of ethnic group in Malaysia, it is an impression to Malaysia as a country with political insight, state to construct the power of country as a sovereign government. In contrary, history education has a part to increase the socialization as political consciousness in young generation, defend the spirit of nationalism which is important element to develop a good characteristic and quality of citizen.

Keywords: Patriotisme, multicultur, perpaduan

PENDAHULUAN

Keperbagaian kaum yang terdapat di Malaysia merupakan tantangan yang harus ditangani oleh kepemimpinan negara Malaysia. Namun, melalui dasar pendidikan yang mengutamakan kepada perpaduan menjadikan negara Malaysia kekal, aman, dan harmonis hingga kini. Ini adalah kesan kepada pembentukan Malaysia sebagai Negara bangsa selari dengan wawasan politik, kenegaraan bagi membina kekuatan warganegara dan kekuatan negara yang berdaulat.¹

Oleh itu usaha pemupukan semangat patriotisme di kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia merupakan agenda politik yang telah meletakkan pendidikan sebagai alat untuk menyempurnakan segala cita-cita mengesampingkan jurang antara kaum tetapi merapatkan jurang

¹ Bar Tal & Staub, 1997.

melalui ide 'perpaduan' yang penting. Perbedaan bahasa, kaum, agama dan budaya coba dirapatkan dengan pengenalan identitas, pengamalan ideologi, penggunaan lambang, simbol serta penggunaan bahasa yang sama. Bangsa Malaysia yang dibentuk sepatutnya menggunakan acuan sejarah yang kukuh di Tanah Melayu dan Malaysia kemudiannya agar ia difahami dan dikuasai oleh masyarakat khususnya golongan muda.² Pentingnya pembentukan bangsa yang berasaskan patriotisme ini agar wawasan negara dapat dicapai. Cita-cita yang murni ini dicadangkan dapat direalisasikan melalui pendekatan pendidikan multikultural.

Metode

Metode yang digunakan dalam penelitian ini adalah metode historis, yang digunakan oleh sejarawan untuk menyusun sejarah. Kemudian dilakukan analisa dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap masyarakat di Malaysia yang hidup rukun antara satu suku dengan suku lainnya.

Konsep Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah

Patriotisme bermaksud taat setia yang amat sangat terhadap nilai-nilai budaya nasional tanpa sebarang kritikan dan pada waktu yang sama merasakan negara lain kurang baik dibandingkan negara sendiri.³ Maksud patriotisme seringkali dianggap sebagai satu kesetiaan dan kecintaan terhadap bangsa dan negara.⁴ Kerana ia merupakan unsur yang menguatkan perasaan, sikap, pandangan serta nilai terhadap negara. Ia dikaitkan dengan semangat, perasaan, sikap, idealisms yang menyentuh soal-soal kebangsaan, kenegaraan, tanggungjawab, perjuangan, pengorbanan, kecintaan, kesetiaan, ketahanan diri dan sumbangan warganegara terhadap negara, bangsa dan agama.⁵ Mohd Taib Osman (1998) mengharapkan kesetiaan sepatutnya bukan hanya kepada negara tetapi juga kepada tokoh, agama, ajaran dan objek-objek lain yang dihalalkan kepada aspek kenegaraan.

Hubungan kekitaan dalam masyarakat menggerakkan hasrat yang sama dan Negara, bangsa menjadi fokus kepada matlamat akhirnya malah mereka mencadangkan apa jua tindakan patriotik, ia dimotivasikan oleh keprihatinan kebaikan untuk negara dan secara tidak langsung perasaan sayang dan bangga yang menebal kepada negara, keinginan untuk

² Abd Rahman Embong, 2000.

³ Bar Tal dan Staub, 1997.

⁴ Mac Intyre, 1994, Gordon, 2000, Khoo Kay Kim, 2002.

⁵ Abd. Rahim Abd. Rashid, 1997.

menyokong negara dan mempertahankan keagungan menjadi pegangan seorang patriot.⁶

Cottam dan Cottam (2001) menyifatkan negara bangsa akan menjadi kukuh bila rakyat mengenal pasti hubungan dirinya dengan elit politik dan bersatu kukuh tanpa kepentingan etnik, perkauman serta memberi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negaranya. Hasil kajian Mum-mendy et al. (2001) di German dan Britain mendapatkan individu mempunyai perasaan sensitif terhadap kumpulan sendiri berbandingkan kumpulan dari luar. Hasil kajian mendapati bahwa satu identitas nasional lahir dari rasa kesepunyaan dalam satu negara kerana patriotisme difahami sebagai ikatan bersifat afektif terhadap kumpulan yang sama yang ditunjukkan oleh rasa kekitaan, tanggungjawab dan berjuang untuk negara. Identitas nasional disifatkan sebagai mekanisma bagi Individu untuk menilai diri dan dan patriotisme dianggap sebagai ramuan penting dalam kewarganegaraan.⁷

Sejarah juga berperanan meningkatkan sosialisasi dan kesadaran politik di kalangan generasi muda, mengukuhkan semangat nasionalisme yang merupakan unsur penting ke arah pembentukan ciri-ciri dan kualitas warganegara yang baik.⁸ Kerana ia merupakan wadah terbaik untuk mengajar dan mendidik generasi baru yang bakal memimpin negara. Ini kerana sejarah mampu mempertautkan ahli-ahli dalam negara sehingga mereka menyatakan negara hak mereka.⁹ Kesedaran tentang warisan sejarah dan masa lalu penting untuk membentuk identitas kumpulan yang kemudian melahirkan rasa kekitaan dan melahirkan rasa cinta dan kesetiaan. Perasaan seperti ini mampu memobilisasikan ahli-ahli dalam negara untuk bertindak bagi pihak negara sehingga sanggup berkorban untuk negara.¹⁰ Bayangkan pada tahun 2010 kita akan mempunyai jumlah pelajar lebih daripada enam juta yakni golongan generasi muda yang akan mewarisi segala perancangan negara pada masa hadapan. Oleh karena itu jika sekiranya semangat patriotisme tidak dimantapkan dari masa ke semasa, kebimbangan akan lahir golongan generasi muda yang tidak menghormati negara tidak dapat dinafikan lagi.

⁶ Menurut Faulks: 2000, Tamir: 1997 dan La Machia: 2000.

⁷ Cogan & Derricott, 2000.

⁸ Ibrahim Saad, 1990; Abd. Rahim Abd. Rashid, 1994.

⁹ Smith, 1986.

¹⁰ Bar-Tal, 1993.

	2000	2005	2009	200	20	200		
				0	05	9		
Prasekolah (4-6)	539.46	702.89	784.20	98	11.6	11.	30.	11.
	9	7	0			9	3	6
Rendah	2.907.1	3.044.9	3.195.	52.	56.6	46.	4.7	5.6
	23	77	977	6		3		
Menengah Rendah	1.256.7	1.330.2	1.425.	22.	21.9	21.	5.8	7.1
	72	29	231	7		6		
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan	1.251.4	1.322.2	1.412.					
	66	12	235					
Maktab Rendah Sains Mara	5.306	8.017	12.996					
Menengah Atas	707.83	763.61	881.24	12.	12.6	13.	7.9	15.
	5	8	7	2		3		4
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan (Akademik)	637.29	678.64	774.55					
	2	6	0					
Maktab Rendah Sains Mara	13.113	12.145	21.470					
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan.....	60.425	72.527	55.227					
.....								
Menengah Tinggi	94.544	199.63	277.90	1.7	3.3	4.2	111	39.
		6	4				.2	2
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan	48035	144.19	202.00					
		4	4					

(Sumber Kerajaan Malaysia: Rancangan Malaysia ke 9)

Pendidikan Sejarah penting khususnya buku buku sejarah yang mencatatkan peristiwa sejarah yang mengagungkan peristiwa dan kejayaan silam negara dengan tujuan memupuk semangat patriotisme dan kebanggaan kepada negara.¹¹ Dia juga melihat kepentingan amalan yang dijalankan di sekolah seperti lagu Negara Ku dan tingkah laku guru semasa pengajaran dan pembelajaran sejarah mampu mempengaruhi sosialisasi politik pelajar.

Slater (1989) menilai kepentingan pendidikan sejarah memperbolehkan pelajar bukan sahaja memahami komuniti dan budaya, Namur negara juga mengetahui masa lampau dan juga membolehkan kesetiaan dipupuk dikalangan pelajar. Ini kerana Hadyn (1999) percaya dengan Pendidikan Sejarah pelajar menerokai sendiri tentang kehidupan dan membolehkan kesetiaan dipupuk di hati mereka.

Sejarah pembinaan bangsa dapat menyedarkan pelajar terhadap perbezaan seperti kelainan etnik, kebudayaan dan cara hidup agar dapat dipupuk melalui peristiwa silam. Ini kerana dalam usaha untuk membangunkan masyarakat yang berbagai budaya, penting untuk semua golongan muda memahami bagaimana komuniti setempat mereka tinggal diwujudkan¹² serta membentuk identiti dan hubungan kemasyarakatan. Marwick (1984) mendukung pandangan ini dengan mengatakan bahwa pendidikan sejarah memperbolehkan komuniti mengesahkan identiti, mengorientasikan diri untuk memahami hubungan antara masa lalu dan dengan lain-lain masyarakat.

Melalui latihan empati yang dijalankan oleh guru (Ashby & Lee, 1987), tingkah laku manusia difahami dan dinilai untuk memperbolehkan pelajar memahami ide orang lain dan mengenal diri.¹³ Pada masa yang lalu, kebudayaan (Dance, 1970) dan warisan (Chaffer & Taylor, 1975) dapat difahami dan dimanfaatkan oleh pelajar supaya gagasan kenegaraan dapat ditonjolkan.

Merumuskan hubungan pendidikan sejarah dengan sosio-budaya, "Pendidikan Sejarah patut membantu pelajar memahami budaya *komuniti mereka, membebaskan mereka dari sempadan dan untuk mendapatkan pengetahuan, sikap yang baik dan melibatkan diri dalam aktiviti sivik.*"¹⁴ Kemudian sekeliling sosial yang disediakan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah penting untuk meningkatkan integrasi sosial dan personal pelajar.¹⁵

¹¹ Ibrahim Saad, 1990.

¹² Fletcher, 1989.

¹³ Andreeti, 1993.

¹⁴ Banks, 1994:1.

¹⁵ Schunk, 2000.

Pendekatan Multikulturalisme dalam Pembelajaran Sejarah

Ideologi multikulturalisme bukanlah sesuatu yang asing di negara barat. Ideologi ini telah berkembang dan diterima dengan pantas terutama di negara yang memiliki masyarakat yang terdiri dari berbagai kaum. Oleh sebab itu sebelum dibincangkan dengan lebih panjang lebar, perlu difahami dulu situasi masyarakat di Malaysia itu sendiri.

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai komposisi penduduk berbilang kaum. Kemajemukan masyarakat Malaysia telah mewujudkan berbagai pemikiran dan nilai-nilai yang mewakili kaum masing-masing sama ada dari segi ekonomi, politik dan sosial. Kadangkala nilai-nilai ini melahirkan masalah polarisasi kaum atau pemisahan kaum dalam kalangan pelajar. Masalah ini jika tidak dibendung akan menimbulkan implikasi yang kurang sehat terhadap negara kita. Keteguhan sebuah negara bergantung kepada perpaduan rakyatnya. Antara faktor yang menimbulkan situasi tersebut ialah perbezaan kebudayaan dan corak hidup disamping mengamalkan dan menganut kepercayaan yang berbeza dan bertutur dalam bahasa ibunda yang berlainan. Hal ini telah disedari oleh Tun Abdul Razak sejak sebelum merdeka lagi. Oleh sebab itu untuk mengatasi masalah polarisasi kaum, beliau telah membuat kerangka dasar yang boleh digunapakai bagi memupuk perpaduan. Penyata Razak 1956 dan laporan Rahman Talib 1960 adalah dasar pendidikan yang diwujudkan bagi memantapkan perpaduan seperti pernyataan berikut:

"Tujuan dasar di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur."¹⁶

Keperihatinan pemimpin untuk melihat isu pemupukan bangsa atau integrasi berterusan. Ini dapat dilihat dengan sarana dan cabaran yang terdapat dalam wawasan 2020. Perkara ini ditekankan oleh Perdana Menteri yang keempat yaitu Dato Seri Dr Mahathir Mohammad tentang pembinaan Negara Bangsa. Menurut beliau pembinaan negara bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai. Ia menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era

¹⁶Razak, 1956.

globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan saja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari berbagai negara. Hasrat untuk membentuk sebuah Negara Bangsa dalam konteks Malaysia boleh diuraikan seperti berikut:

"...membentuk sebuah negara yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. Bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompoknya, menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah Bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut."¹⁷

Berdasarkan kepada statistik penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2006 jumlah penduduk Malaysia mengikut kaum adalah sebagai berikut:

Penduduk Malaysia Mengikut Etnik pada Tahun 2005

Etnik	Juta	Peratus
Melayu	13.19	51
Cina	6.16	24
India	1.83	7
Lain-lain bukan Bumiputera	2.87	11
Lain-lain	0.31	1
Bukan warganegara	1.77	6
Jumlah	26.13	100

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006)

Berdasarkan kepada latar belakang komposisi penduduk Malaysia, adalah penting sistem pendidikan melihat pandangan alternatif yang terdapat dalam pendidikan multikultural.

Menurut Will Kymlicka (2002) multikulturalisme merujuk kepada pemahaman berkaitan penghargaan, penerimaan dan keadilan terhadap berbagai budaya, berbagai etnik dalam masyarakat majemuk terutamanya terhadap kumpulan minoritas yang melibatkan hak-hak sejagat atau hak-hak komunitasnya sendiri. Sementara Stavenhagen (1986), menganggap multikulturalisme melalui dua keadaan yaitu:

1. Multikulturalisme adalah realitas sosial dalam masyarakat yang

¹⁷ Tun Dr. Mahathir Mohamad Melangkah Ke Hadapan, 1991

heterogen (mengikuti perangkaan, 95% atau majoriti negara-negara di dunia hari ini bersifat majemuk dan heterogen).

2. Multikulturalisme adalah pendekatan yang digunakan sebagai suatu pemahaman atau ideologi untuk mewujudkan integrasi dan memupuk perpaduan dengan melihat keunikan dan potensi setiap etnik sebagai aset yang bernilai dan perlu dihargai.

Lawrence A Blum (2001), seorang profesor dari Universiti Massachusetts menjelaskan bahawa multikulturalisme merupakan satu pemahaman, penghargaan dan penilaian ke atas budaya seseorang dengan mengambiltahu dan memberi penghormatan ke atas budaya orang lain, bukan untuk menyerap semua budaya orang lain tetapi mencari titik persamaan dan nilai-nilai sejagat yang dapat dihayati bersama bagi mewujudkan persefahaman dan tolak ansur antara kaum. Blum (2001) juga menegaskan bahawa dalam multikulturalisme terdapat tiga amalan sub nilai yang penting yaitu:

1. Mengetahui identitas budaya seseorang melalui, mempelajari dan menilai warisan budaya kaum lain selain budayanya. Kaum yang memiliki kebudayaan tersebut perlu mempamerkan nilai murni yang terdapat dalam budayanya sehingga tidak mewujudkan ancaman kepada budaya kaum lain.¹⁸ Ini sebagai satu tindakan silang budaya yang positif ke arah melahirkan hubungan kaum yang harmonis.
2. Menghormati dan mempunyai keinginan untuk memahami dan belajar tentang kaum lain dan budayanya. Dengan adanya toleransi, pengakuan, dan penghargaan terhadap budaya kaum lain, akan melahirkan kesediaan untuk menerima budaya kaum lain dengan ikhlas. Pemahaman tentang budaya kaum lain ini boleh dilaksanakan melalui pendidikan multikulturalisme dalam pembelajaran sejarah. Secara tidak langsung, pemahaman atas kebudayaan kaum lain akan menghasilkan penghormatan terhadap budaya tersebut.
3. Memandang keberbagai budaya itu sebagai suatu kebaikan yang positif untuk dihargai, diterima dan dipelihara oleh komunitasnya. Menilai, merasa gembira dan bersedia menghargai perbezaan kebudayaan orang lain akan meningkatkan rasa bangga dengan budaya sendiri dan budaya kaum lain.

Adler (1982) berpendapat, berdasarkan pengertian di atas, multikulturalisme memenuhi prinsip-prinsip berikut:

¹⁸ Harris dan Moran, 2001.

1. Perbedaan : Setiap etnis menunjukkan perbedaan dan keunikan budaya
2. Penghargaan : Kita perlu menghargai ciri-ciri budaya etnis yang berbeda
3. Pemilikan : Setiap etnik memiliki budaya sendiri dan dipengaruhi oleh budaya orang lain melalui sikap tolak angsur.

Dalam multikulturalisme, perasaan sebagai anggota komunitas adalah penting. Kepentingan ini dijelaskan dengan rasa keterikatan dengan kaum lain, rasa persamaan walau dalam keberagaman identitas kaum lain. Keadaan ini akan melahirkan rasa kesanggupan kesetiaan sesama anggota komunitas. Menurut Kluckhohn (1953) terdapat tujuh unsur untuk menunjukkan perbedaan kebudayaan antara kaum, yaitu: bahasa, sistem teknologi, sistem ekonomi, organisasi sosial, sistem pengetahuan, agama dan kesenian. Unsur-unsur inilah yang perlu diperhitungkan dalam pendidikan sejarah di Malaysia. Oleh karena itu pendidikan dan pembelajaran sejarah yang berteraskan multikultural bertujuan untuk melahirkan generasi pelajar dan pewaris masa depan negara yang mempunyai pola fikir dan persepsi terbuka yaitu:

"memahami, menerima dan berupaya menilai kebudayaan bangsa sendiri dan memahami, menerima dan menilai kebudayaan bangsa lain untuk mewujudkan pemikiran yang konstruktif, membina dan melihat cara bangsa lain mengekspresikan pemikiran dan cara hidup berdasarkan budaya bangsa lain"¹⁹

Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Muhamad Najib Tun Razak juga telah menegaskan bahawa kerajaan Malaysia percaya dan yakin jalan terbaik bagi membolehkan rakyat terus hidup dalam aman ialah dengan memahami cara hidup dan kebudayaan sesuatu bangsa itu serta memberi kebebasan kepada mereka mengamalkannya. Beliau berkata keberbagaian budaya rakyat bertbilang kaum di Malaysia kini telah menjadi produk pelancongan (pariwisata) yang menarik. Beliau menginginkan rakyat senantiasa memastikan keselamatan dan ketenteraman negara dan mengingatkan mereka supaya tidak mencetuskan sebarang perselisihan faham atau konflik etnik dengan memberikan alasan tidak memahami budaya kaum lain.

"Budaya boleh diibaratkan aisberg yang jelas dilihat hanya puncaknya yang diartikan sebagai amalan hidup, tingkah laku dan

¹⁹ Blum, 2001.

tradisi sesuatu kaum manakala sebahagian besar di bawah permukaan sukar lihat meliputi budaya tersirat seperti nilai falsafah, pengalaman dan pemikiran yang mencorakkan budaya itu," katanya"²⁰

Di Malaysia terdapat perbezaan antara berbagai etnik yang perlu dikembangkan dalam mata pelajaran sejarah agar setiap etnik dapat mengenali asal-usul budaya mereka melalui bahan pelajaran apakah dari etnis majoritas maupun minoritas. Kita mempunyai etnik Melayu yang terdiri berbagai suku seperti Melayu setiap negeri, Jawa, Minangkabau, Bugis, Cina, India, Orang Asli, Bumiputera Sabah dan Sarawak ditambah pula dengan dialek berbeda mengikut kawasan menjadikan keberbagaian ini sesuatu yang menarik jika dikembangkan dengan baik melalui pendekatan multikultural.

Unsur keberbagaian budaya sebenarnya telah diterima dikebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia dalam memperkaya khazanah budaya bangsa melalui proses asimilasi dan adaptasi aspek-aspek tertentu budaya berbagai kaum yang menjadi anggota dalam sebuah negara. Dalam konteks Malaysia keberbagaian budaya masyarakat Melayu, dengan budaya kaum Cina dan India, cara berfikir, amalan sosial dan kebijaksanaan kerajaan. Terdapat beberapa alasan mengapa kita harus menerima kebenaran dan keharusan pendekatan multikultural di dalam pendidikan sejarah.

Pertama, secara antropologis-sosiologis, bahawa budaya, etnis, agama, bahasa adalah berbeda. Perbezaan etnis, budaya agama, bahasa, adat istiadat tersebut ditunjang oleh perbezaan status sosial ekonomi yang beragam pula. Oleh kerana itu perbezaan-perbezaan tersebut harus diakomodasi dalam suatu ikatan ataupun wahana yang dapat mempersatukan keberagaman tersebut iaitu negara bangsa.²¹

Kedua, secara historis perbezaan yang ada di antara kebudayaan-kebudayaan yang ada di Malaysia pada hakikatnya adalah kerana perbezaan yang disebabkan oleh sejarah perkembangan kebudayaan masing-masing dan oleh adaptasi terhadap lingkungan masing-masing. Ketiga, secara theologis keberagaman kaum, budaya, perbezaan kaum sebagai rahmatan lil al-'alamin, yang memandang keanekaragaman etnis dan budaya itu sebagai sesuatu kebaikan yang positif, berguna untuk dihargai, diterima dan dipelihara dalam komunitasnya. Dalam

²⁰ Bernama.com. Alor Star: 10 Okt 2008.

²¹ Bellah, 1985.

hal ini manifestasi penerimaan keragaman budaya sebagai sesuatu kebaikan yang diterima dan dipelihara itu untuk mengekspresikan nilai tersebut mampu diwujudkan lebih kukuh dalam perbuatan sehari-hari.

Umumnya, multikulturalisme mencakup apa yang disebut sebagai demokrasi sosial yaitu konsep liberalisme tersendiri yang menjadi jembatan untuk mentautkan jurang angkara kaum dalam komunitas.²² Malaysia sebagai sebuah negara penganut demokrasi dalam pendidikan dan politik adalah wajar melaksanakan pendekatan multikultural dalam pendidikan sejarahnya kerana demokrasi yang sehat adalah berasaskan kepada toleransi terhadap keragaman seluas mungkin.²³ Pengenalan pendekatan pembelajaran multikultural telah dipelopori oleh James A Banks. Menurut James A. Banks (2001), melalui pembelajaran multikultural, murid akan dapat mengikuti beberapa prinsip penting iaitu:

- Prinsip 1: Sekolah perlu memastikan bahawa semua murid akan mendapat peluang yang sama rata untuk belajar dan mencapainya dalam standar yang tinggi.
- Prinsip 2: Kurikulum sewajarnya membantu murid memahami bahwa pengetahuan adalah dibina secara sosial dan refleksi daripada pengalaman-pengalaman personal penyelidik dalam bidang sosial, politik dan ekonomi di tempat mereka bekerja dan tinggal.
- Prinsip 3: Sekolah perlu menyediakan semua murid peluang untuk menyertai dalam aktivitas kurikulum yang boleh meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dapat meningkatkan pencapaian akademik dan berhadapan dengan hubungan antara kaum yang lebih positif.
- Prinsip 4: Sekolah perlu menciptakan atau menonjolkan peranan ahli kumpulan (kelompok) yang akhirnya dapat meningkatkan lagi hubungan antara kumpulan (kelompok).
- Prinsip 5: Murid perlu belajar tentang pandangan stereotaip (biasa) dan perkara yang berhubungan dengan sikap bias (berat sebelah) yang akan memberi kesan negatif terhadap integrasi bangsa dan hubungan etnik yang lain.
- Prinsip 6: Murid perlu belajar tentang nilai yang dikongsi bersama melalui budaya sebenarnya bagi semua kelompok bangsa

²²HowBerd, 2000 dan Gould, 2003.

²³Toffier, 1992.

(contohnya keadilan, kebebasan, keamanan, dan sebagainya).

Prinsip 7: Guru perlu membantu murid memperoleh kemahiran sosial yang diperlukan untuk berinteraksi dengan berkesan dengan murid yang berlainan kaum, budaya dan bahasa.

Prinsip 8: Sekolah perlu menyediakan peluang untuk murid yang datang daripada berbagai bangsa, budaya dan bahasa untuk berinteraksi secara sosial yang dibentuk untuk mengurangi rasa bimbang dan takut.

Jika sekiranya pendekatan multikultural dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat diterapkan berdasarkan kepada prinsip-prinsip pendidikan multikultural maka penerapan diintegrasikan bangsa yang dimaksudkan dengan berbangga sebagai rakyat Malaysia, bersemangat setia kepada negara, bersemangat kekitaan, berdisiplin, berusaha dan produktif (PPK 2001) akan dapat dipupuk dengan mudah.

Mata pelajaran Sejarah dianggap sebagai salah satu mata pelajaran yang signifikan untuk mendidik rakyat Malaysia menjadi warganegara yang taat setia. Oleh itu usaha untuk memupuk nilai-nilai murni seperti kerjasama dan kemasyarakatan boleh ditekankan sejak Pengakuan Jawatankuasa Kabinet (Perakuan 40:237) yaitu menitikberatkan Sejarah Rakyat Malaysia dan perjuangannya adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran dan keinsafan tentang realitas masyarakat serta negara dan semangat setia negara.²⁴

Sebagai rumusannya, menurut Sleeter dan Grant (1993), pendekatan multikultural mempunyai penekanan secara khusus yaitu:

1. Pendidikan multikultural adalah pendidikan antiperkauman
2. Pendidikan multikultural adalah berdasarkan pendidikan
3. Pendidikan multikultural adalah penting untuk semua pelajar
4. Pendidikan multikultural adalah pendidikan untuk keadilan sosial
5. Pendidikan multikultural adalah sebuah proses
6. Pendidikan multikultural adalah pendidikan yang bersifat kritis

Dengan demikian multikultural dapat diartikan sebagai suatu proses komprehensif pembaruan sekolah dan dasar pendidikan untuk semua pelajar. Merupakan tantangan dan penolakan rasisme dan bentuk diskriminasi lain di sekolah dan masyarakat dan penerimaan serta menegaskan pluralisme. Pendidikan multikultural menembus kurikulum dan strategi pembelajaran yang digunakan di sekolah-sekolah, seperti halnya interaksi antara para guru, pelajar dan komunitas. Dengan ini pendidikan

²⁴ Tajul Ariffin b Noordin dan Nor Aini Br Dan, 1992.

multikultural akan mempromosikan prinsip keadilan yang demokratis.

Pemupukan Patriotisme dalam Pendidikan Sejarah dan Multikultural

Gagasan patriotisme dan nasionalisme baru adalah unsur kekuatan membentuk masyarakat berbagai kaum di Malaysia dan mengurangi pergeseran kaum. Oleh itu sistem pendidikan telah dijadikan sandaran bagi memperteguhkan sentimen kenegaraan kerana ia dianggap sebagai agen sosial yang mampu menyatukan semua masyarakat tanpa mengira perbezaan kaum, agama dan keturunan (Haris Md. Jadi, 1990, Davies, 1999) dan menyemai taat kepada pemerintah (Hwang, 1984). Cabaran penting memupuk perasaan sayangkan negara. Isu perpaduan dan pembinaan bangsa Malaysia bergantung kepada dasar-dasar patriotik bagi membina kesetiaan dan cintakan negara. Ini memberi cabaran kepada sistem pendidikan yang dibentuk selepas merdeka.²⁵

Sistem pendidikan merupakan alat yang tepat dilihat sebagai salah satu cara untuk melaksanakan proses pemasyarakatan dan pembudayaan bangsa Malaysia. Oleh itu segala dasar pendidikan yang direncanakan sejak sebelum merdeka hingga selepas merdeka yang dinamai dengan Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Taib atau Jawatan Kuasa Penyemak Dasar Pelajaran 1960 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1974) telah menegaskan bahwa matlamat pembinaan bangsa telah dirancang atas nama perpaduan antara kaum. Berasaskan kepada keperluan inilah pendidikan Sejarah telah dipilih untuk menjadi agen kepada pembinaan Negara bangsa seperti yang dicita-ciakan melalui pelbagai perubahan dalam penyata atau akta yang ditawarkan. Keseimbangan kepada aspirasi tersebut telah mencetuskan falsafah pendidikan negara dilihat sebagai satu saluran dan teknik menyampaikan segala bentuk ciri masyarakat dan kebudayaan ke dalam pengetahuan pelajar yang bakal menjadi pengganti dan pemimpin negara terkini ialah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2001-2010).

Dalam hal ini pendidikan sejarah telah menjadi mata pelajaran teras dan wahana utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Awang Had Salleh (1983) menyifatkan apa yang hendak dicapai oleh pendidikan dalam hubungannya dengan nasionalisme ialah dengan menyemaikan rasa patriotisme ke dalam jiwa pelajar rasa kesediaan dan kerelaan berkorban nyawa untuk mempertahankan negara. Diharapkan melalui pendidikan sejarah segala keinginan untuk memupuk jiwa pelajar menghayati cita-cita unggul negara terutama mengamalkan dengan penuh keazaman prinsip rukun negara. Pendidikan sejarah dapat menjadi panduan kepada pelajar

²⁵ Awang Had, 1983, Haris Md. Jadi, 1990.

atau generasi muda yang menjadi harapan negara supaya menghayati dan menghormati lambang-lambang, perlembagaan dan negara Malaysia, memupuk rasa hormat kepada bahasa negara iaitu bahasa Melayu, agama resmi iaitu agama Islam dan bendera negara. Semua elemen akan menjerus ke arah penyempurnaan gagasan patriotisme dan pembinaan bangsa yang mendasari wawasan negara.

Penegasan terhadap keperluan pendidikan sejarah dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian dalam negara bangsa Malaysia di samping memperkasakan patriotisme di kalangan rakyat pelbagai kaum di Malaysia disarankan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) yang bermaksud;

"Pendidikan sejarah adalah penting untuk membolehkan murid-murid memahami latar belakang sejarah negara daripada beberapa aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum, kesadaran terhadap sejarah masyarakat majemuk yang terdapat di Malaysia hari ini dapat menolong murid-murid untuk memahami peri mustahaknya perpaduan di negara ini." ²⁶

Pemantapan ide perpaduan ini telah diperkukuhkan lagi pada tahun 2000 melalui semakan semula kurikulum sejarah peringkat kebangsaan yang menjerus, kepada keperluan pendidikan sejarah dan peranannya dalam pembinaan negara bangsa.

"Unsur patriotisme dalam kurikulum sejarah menitikberatkan nilai-nilai yang dapat memupuk semangat bangsa sebagai bangsa Malaysia. Melalui pengertian dan penghayatan dalam pendidikan sejarah, murid dapat memperkasa keperibadian bangsa Malaysia. Patriotisme merangkum unsure bangga sebagai rakyat Malaysia, semangat setia negara, semangat kekitaan, berdisiplin serta berusaha dan produktif. Sejarah merupakan satu disiplin istimewa meliputi segala aspek kehidupan manusia seperti politik, ekonomi dan sosial. Dalam struktur disiplin pendidikan sejarah, beberapa konsep penting perlu diketahui oleh guru untuk memahami isu-isu penting serta istilah tertentu seperti kemahiran pemikiran sejarah. Pemikiran sejarah berkaitan rapat dengan pemahaman sejarah yang dapat difahami sikkannya semua aspek dikaji dan faktor-faktor dianalisis serta dilihat secara keseluruhan. Unsur penting dalam disiplin pendidikan sejarah meliputi aspek inkuiri dalam sejarah, pengumpulan sumber, kemahiran pemikiran sejarah, penjelasan sejarah, pemahaman sejarah dan empati" ²⁷

²⁶ KPM, 1979:para 137.

²⁷ Sukatan Pelajaran Sejarah, KPM, 2000:5.

Kebanyakan negara membangun menggunakan system pendidikan sebagai alat utama dalam pengukuhan negara bangsa dan pemupukan patriotisme. Ia menyedaiakan peluang yang sama kepada semua warganegara untuk mendapat kemahiran, nilai dan kehendak yang diperlukan untuk membolehkan mereka bertindak dalam Negara bangsa.²⁸ Ia diterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah khususnya bagi membolehkan kesedaran dan kepekaan kepada nilai-nilai dan ciri-ciri Negara bangsa disalurkan kepada golongan muda.

"Pembinaan negara bangsa amat penting bagi sebuah negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme. Ia menjadi semakin penting lebih-lebih lagi dalam era globalisasi yang membenarkan pengaliran secara bebas dan pantas bukan sahaja maklumat, modal serta manusia, tetapi juga sistem nilai, budaya dan kepercayaan dari pelbagai negara"²⁹

Berdasarkan kepada uraian tersebut, pendidikan multicultural relevan dengan harapan untuk meningkatkan integrasi dan pembinaan bangsa di Malaysia. Pendidikan multicultural yang mengandungi prinsip-prinsip kemanusiaan pelbagai kaum yaitu penghargaan, penghormatan, dan kebersamaan dalam suatu komunita yang majemuk inilah yang ditawarkan oleh Blum (2001) dengan menyatakan bahawa:

"Multikultural meliputi sebuah pemahaman, penghargaan dan penilaian atas budaya seseorang, dan sebuah penghormatan dan keingintahuan tentang budaya etnis orang lain. Ia meliputi penilaian terhadap kebudayaan-kebudayaan orang lain, bukan dalam arti menyetujui seluruh aspek dari kebudayaan-kebudayaan tersebut, melainkan mencoba melihat bagaimana kebudayaan tertentu dapat mengekspresikan nilai bagi anggotanya sendiri."³⁰

Melalui pemahaman berkenaan dengan elemen-elemen hubungan keperluan pendidikan untuk negara, kesedaran kepentingan pendidikan sejarah dan keperluan pendekatan multicultural adalah ramuan penting bagi mendekati hubungan dan keserasian antara kaum Melayu, Cina dan India dalam meningkatkan patriotism dan pembinaan negara bangsa.

Sebagai rumusan, kesedaran patriotisme melalui pembelajaran sejarah yang berasaskan kepada pendekatan multicultural akan memberi banyak faedah kepada negara yang memiliki pelbagai kaum seperti

²⁸ Apple & Benne, 1995, Parker, 1996, Patrick, 1999, Phillips, 1999.

²⁹ http://www.moe.gov.my/galeri_awan_manual/pipp2010/moe-pipp_04.pdf.

³⁰ Blum 2001: 16

Malaysia. Melalui pendekatan multicultural perasaan saling memahami dan menghargai perbedaan yang sedia wujud akan dapat mengatasi prangsa antar kaum. Pendekatan multicultural akan membantu negara untuk memupuk kesadaran dan akhirnya perpaduan bermula dari akar umbi dengan pengukuhan dan pematapan dalam pendidikan sejarah.

Kepentingan Patriotisme, Pendidikan Sejarah dan Multicultural

Peranan pendidikan penting untuk melahirkan semangat cintakan negara. Oleh karena itu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menghadapi cabaran besar melahirkan pelajar dengan ciri-ciri individu dan masyarakat bangsa Malaysia. Bangsa Malaysia yang dihasratkan terdiri daripada individu dan masyarakat yang mempunyai keyakinan tinggi, jati diri kukuh, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral dapat hidup sebagai sebuah masyarakat yang penyayang, demokratik, liberal dan bertolak ansur, serta berfikiran dan berbudaya saintifik. Pendidikan di negara kita seharusnya boleh mewujudkan yang tinggi di kalangan pelajar. Harapan KPM adalah memupuk pembinaan jati diri melalui kurikulum, program kokurikulum dan olahraga. Ini disebabkan jati diri bangsa yang kukuh dan maju.³¹

Berdasarkan kepada pernyataan tersebut, menonjolkan bahawa pihak kerajaan tidak meminggirkan ide pemupukan semangat patriotisme malah sentiasa mencuba dan berusaha untuk menghasilkan gagasan yang terbaik bagi memastikan perpaduan dan pembinaan negara bangsa dapat dipupuk dan dimantapkan. Inilah harapan yang senantiasa dipupuk dan pendekatan yang paling sesuai dan tepat ialah melalui pendidikan sejarah. Kenyataan ini didukung dengan kandungan Sukatan Pelajaran Sejarah, 2000:

"Patriotisme adalah perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Perasaan ini perlu wujud di hati setiap individu rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Sehubungan itu, semangat patriotik dapat membentuk rakyat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Justeru, berdasarkan pengetahuan dan pemahaman aspek-aspek sejarah negara, para murid dibimbing untuk menganalisis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional. Natijah daripada pemahaman dan penghayatan sejarah negara, para murid dapat membina kekuatan semangat cinta akan Negara"³²

³¹ http://www.moe.gov.my/galeri_awan_manual/pipp2010/moe_pipp_04.pdf

³² Sukatan Pelajaran Sejarah 2000, KPM: hal.1

Pendekatan pembelajaran sejarah berasaskan kepada pendekatan multicultural sebagai amalan sosial, dewasa ini telah diterima oleh banyak negara sebagai sesuatu yang penting dalam pembangunan negara. Berry et al (1998) menyebutkan pendekatan multicultural menjadi satu ideologi dalam pengembangan kebudayaan serta berupaya mencipta masyarakat yang aman dan harmoni. Multiculturalisme pada hakikatnya dimaksudkan untuk menciptakan suatu konteks sosio-politik yang memungkinkan individu dapat mengembangkan jati diri dan secara timbal-balik mengembangkan sikap-sikap antara kelompok yang positif demi demokrasi, dan kesejahteraan masyarakat.³³

Dworkin (2001) dan Kymlicka (2002) berpendapat, bahwa jika ditinjau dari aspek hak-hak asasi manusia, multiculturalisme melindungi hak-hak individu, meliputi hak-hak kolektif ataupun budaya komuniti. Oleh itu, tidak ada alasan jika kaum minoritas merasa ketakutan dan kebingungan bahwa hak kolektif yang dituntut oleh kelompok etnik tertentu dianggap berlawanan dengan hak perseorangan. Kedua-dua jenis tuntutan dan hak asasi itu dapat dipandang sebagai kemampuan melindungi stabilitas komunitas bangsa. Howard (2000) dan Gould (1993) berkeyakinan bahwa dalam pendekatan multicultural mencakup apa yang disebut demokrasi sosial, yaitu suatu jenis liberalisme tersendiri yang menjadi jambatan antara hak-hak individu dengan komunitasnya.

Perkembangan pendekatan multicultural sekarang telah menjadi seperti satu keyakinan, sikap, dan kebijakan. Pendekatan multikultural tidak hanya sekedar semboyan, retorika, politik, atau hanya pengakuan simbolik terhadap kekayaan realitas sosial. Pendekatan multikultural telah menjadi perakuan sejati terhadap identitas kelompok yang mendukung dan selaras dengan identitas nasional. Oleh itu pendekatan multicultural mampu untuk menerapkan unsur patriotisme dengan lebih mudah melalui pendidikan sejarah.

Usaha memupuk perpaduan kaum dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum di Malaysia memerlukan usaha yang berterusan dan perencanaan yang teratur serta teliti. Perbedaan agama, bahasa dan budaya bukan penghalang untuk membentuk pembinaan negara bangsa di Malaysia. Menerusi sistem pendidikan yang telah diakui oleh mana-mana negara di dunia semangat patriotisme boleh melakukan tugas untuk membina negara bangsa Malaysia serentak dilaksanakan boleh dibentuk. Keajaiban sistem pendidikan khususnya melalui pendidikan sejarah akan

³³ Suparlan, 2002, 2003.

dapat mengatasi perbedaan identitas, pengamalan faham dan kepercayaan, penggunaan bahasa dan sebagainya.

Kesedaran akan kepentingan clan keunikan pendidikan sejarah dapat dijadikan saluran pemupukan pembinaan negara bangsa bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berjiwa Malaysia dan bersemangat patriotisme. Sistem pendidikan dilihat sebagai kemampuan untuk memikul tugas dan tanggungjawab mencapai integrasi kaum kerana boleh menjadi instrumen untuk integrasi pelbagai kaum dalam usaha mencapai perpaduan nasional.³⁴ Pendidikan Sejarah yang dirancang dengan pelbagai matlamat sejajar dengan kehendak negara sepatutnya menjadi nadi untuk mencapai hasrat dan cita-cita kerajaan kerana pendidikan sejarah mampu melahirkan kesetiaan kepada negara, integrasi oleh pelbagai kaum di Malaysia.

Kedatangan milineum baru menghasilkan banyak tantangan yang perlu dihadapi oleh masyarakat. Tantangan baru bukan lagi bersifat penjajahan terhadap negara tetapi penjajahan minda yang lebih sukar untuk dihadapi. Oleh kerana itu generasi muda perlu dibimbing, dilatih dan diperhatikan agar mampu untuk mengatasi dan menghadapi tantangan tersebut. Andreeti (1993) berpendapat Negara-negara yang demokrasi dan memiliki rakyat yang berbilang kaum perlu mengajar warganegaranya membentuk pemikiran dan pandangan yang globalisasi sesuai dengan pengalaman-pengalaman sejarah negaranya. Tuntasnya pembelajaran sejarah yang berasaskan pendekatan multicultural diharapkan mampu untuk memberi pengalaman-pengalaman, pemikiran dan pandangan yang globalisasi sesuai dengan kepelbagaian budaya dan kaum di Malaysia.³⁵

Kesimpulan

1. Bangsa Malaysia dibentuk menggunakan acuan sejarah yang kukuh di Tanah Melayu dengan tidak membeda-bedakan suku, etnis maupun berbedaan ras.
2. Melalui pendidikan sejarah berperanan meningkatkan sosialisasi dan kesedaran politik di kalangan generasi muda, mengukuhkan semangat nasionalisme yang merupakan unsur penting ke arah pembentukan ciri-ciri dan kualitas warganegara yang baik.
3. Pendidikan sejarah dapat menjadi panduan kepada pelajar atau generasi muda yang menjadi harapan negara supaya menghayati dan menghormati lambang-lambang, perlembagaan dan negara Malaysia,

³⁴ Wong, 1973.

³⁵ Fadzillah Hj Chik, 1992.

memupuk rasa hormat kepada bahasa negara iaitu bahasa Melayu, agama resmi iaitu agama Islam dan bendera negara

4.

Daftar Kepustakaan

- Bar-Tal, D. & Staub, E. (1997). Patriotism. In the Lives of Individuals and Nation (eds.). Chicago: Nelson-Hall Publishers.
- Bar-Tal, D. (1993). Patriotism as Fundamental Belief Of Group Members. *Politics and The Individual* , 3, 45 - 62.
- Bellah, Robert N. et al (1985) *Habit of the Heart: Individualism and Commitment in American Life*, Barkeley: University of California Press. Belmont. CA: Wadsworth.
- Bentley, T. (1998). *Learning Beyond The Classroom*. London and New York: Routledge.
- Blum, A. Lawrence, (2001) *Antirasisme, Multikulturalisme, dan Komunitas Antar Ras, Tiga Nilai yang Bersifat Mendidik Bagi Sebuah Masyarakat Multikultural*, dalam Larry May, dan Shari Colins-Chobanian, *Etika Terapan: Sebuah Pendekatan Multikultura*, Terjemahan-. Sinta Carolina dan Dadang Rusbiantoro, Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Chaffer, J. & Taylor, L. (1975). *History and The History Teacher*. London: George Allen.
- Cogan, J.J. & Derricott, R. (2000). *Citizenship for 21st century: An international Perspective on Education*. London: Kogan Page.
- Cottam, L. M. & Cottam, R.W. (2001). *Nationalism and Politic. The Political Behaviour dalam Pendidikan*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan. KPM: Dewan Bahasa Pustaka.
- Dance, E. H. (1970). *The Place of History in Secondary Training-. A Comparative Studies*. London: Georg G. Harrap & Co. Ltd.
- Davies, I. (1999). *What Has Happened In The Teaching Of Politics In School In England In Last Three Decades And Why?* *Oxford Review of Education*. 25 (1), 125 -140 . Education and Morality, London: Routledge.
- Dworkin, Ronald (2001) "Menganggap Serious Masalah Hak", dalam Larry May, dan Shari Colins-Chobanian, *Etika Terapan: Sebuah Pendekatan Multikultura*, Terjemahan: Sinta Carolina dan Dadang Rusbiantoro, Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Fadzillah Hi Chik. (1992). *Education for National Integration In A Multicultural Society with Special Reference To Peninsular Malaysia*.

- Tesis Sarjana Sastra yang tidak diterbitkan. University of Hull.
- Faulks, K. (2000). *Citizenship*. London: Routledge.
- Fletcher, H.B (1989). *History: The School and The University*. *Teaching History*, 23 (3).
- Gordon, R.H. (2000). *Modernity, Freedom, and the State: Hegel's Concept Of Patriotism*. *The Review Of Politic*. Spring. 63, 295-325.
- Gould, Carol C. (1993) *Demokrasi Ditinjau Kembali*, Penerjemah Samodra Wibawa, Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Haris Md. Jadi (1983). *Ethnicity Politics And Education: A Study In The Development Of Malaysia Education And Its Policy Implication Process*. Thesis PhD yang tidak diterbitkan. University of Keele.
- Haris Md. Umadi. (1990). *Etnik, Politik dan Pendidikan*, K.L: Dewan Bahasa Pustaka.
- Harris, Philip R & Moran, Robert.T. (2001)" Memahami Perbedaan-perbedaan Budaya" dalam Deddy Mulyana dan Jaluddin Rakhmat Ed. *Komunikasi Antar Budaya: Panduan Berkomunikasi dengan Orang-orang Berbeda Budaya*, Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Haydn, T. (1999). *Citizenship and School History: In Defence of, or as a Protection against the state*, *The School Field*. Vol. X (3/4), 33-46.
- Haydn, T., Arthur, A. and Hunt, M. (2001). *Learning to Teach History in the Secondary History Curriculum in Malaysia: A study of Perceptions*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan University of British Columbia.
- Ibrahim Saad, (1990). *Perubahan Pendidikan di Malaysia: Satu Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Nasional.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979. *Laporan Jawatankuasa Kabinet*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, 1961, *Laporan Penyata Rahman Talib 1960*. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sejarah*. 2000, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Sukatan Pelajaran KBSM Sejarah Menengah Atas*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sejarah Menengah Atas*: Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim, "Falsafah Sejarah Ke arah Mengembangkan Unsur Patriotisme dan Kenegaraan", dlm. Ab Rahim Ab Rashid. 2003. *Falsafah Budaya dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: UM.
- Khoo Kay Kim. (1992). *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia. Dalam Sejarah dalam Pendidikan. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan*. KPM: Dewan Bahasa Pustaka.
- Khoo Kay Kim. (2002). *Falsafah Sejarah: Ke arah Mengembangkan Unsur Patriotisme dan Kenegaraan*. Seminar Kebangsaan Falsafah Pendidikan Ke Arah Pementapan Gagasan Dan Wawasan Kenegaraan. 6 - 7 Julai. UM.
- Gluckhohn, F dan Strodtbeck, F.L. (1961) *Variations in Value Orientation*, Evanston. Row, Peterson & Company.
- Kohn, H. (1944). *The Idea Of Nationalism*. New York: Collier Books.
- Kurikulum. Laporan Praktikum. M.Ed. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Kymlicka , W. (1999). *Education for Citizenship in Halstead and T. H. McLaughlin*, (eds.)
- Kymlicka, Will (2002) *Kewargaan Multikultural, Terjemahan Edlina Hafmini Eddin*, Jakarta: LP3ES.
- La-Machia, J. (2000). *So what is Patriotism anyway?* New York: Rosen Publishing Group.
- Mac Intyre, A. (1994). *Is patriotism a Virtue dalam Communitarian*. (eds) by M. Daly,
- Malaysia. (2001). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke Tiga (2001-2010)*. Kuala Lumpur Percetakan Nasional Berhad
- Mummendy, A, Klink, A. & Brown, R. (2001). *Nationalism and patriotisme: National*.
- Napsiah Mahfoz. (1983). *The Role Of Key Teachers In The Implementation of a New of Nation States*. London: Lynne Rienner Publishers.
- Razak Report. (1956). *Report of the Education Committee*. Kuala Lumpur: Government Rendah dan Menengah. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Slater, J. (1989). *The Politics of History Teaching: a humanity dehumanised?* London:
- Smith, A.D. (1986). *The Ethic Origins of Nation*. Oxford: Blackwell.
- Stavenhagen, R.(1986) *Problems and Prospects of Multiethnic States*,

Tokyo: United Nations University Press.

Suparlan, Parsudi (2003b) "Bhineka Tunggal Ika- Keanekaragaman Sukubangsa atau Kebudayaan", Jurnal Antropologi Indonesia, Tahun XXVII, No.72, Jakarta: Universitas Indonesia-Yayasan Obor Indonesia.

Suparlan, Parsudi, (2002) "Menuju Masyarakat Indonesia yang Multikultural", Jurnal Antropologi Indonesia, tahun XXVI, No.69, UI dan Yayasan Obor Indonesia.

Tamir. Y. (1997). Reflection on Patriotism, In Bar-Tal and Staub (eds.) Patriotism: In the lives of Individuals and Nations. Chicago: Nelson-Hall Publisher.

http://www.meo.gov.my/galeri_awam_manual/pipp2010/moe_pipp_04.pdf.